

87 20 OCT 1990

(1)

Kit Siang biadab, kata Mahathir

GEORGETOWN, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, sebagai biadab dan tidak langsung tahu menghormati orang tua berikutan tindakannya mencabar Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu, dalam pilihanraya ini.

Katanya, tokoh seperti Dr Lim yang sudah 20 tahun berbakti kepada penduduk Pulau Pinang sehingga negeri itu maju seperti sekarang, tidak layak ditandingi, bahkan beliau (Dr Lim) seharusnya menang tanpa bertanding.

Menurutnya, jika ketokohan dan rekod perkhidmatan dijadikan perbandingan, Encik Lim tidak akan dapat menandingi Dr Lim.

"Rekod membuktikan Encik Lim tidak berbuat apa-apa untuk Pulau Pinang sedangkan Dr Lim melakukan pelbagai perkara yang memanfaatkan penduduk negeri itu," katanya ketika berucap merasmikan Balai

Raya Jalan Patani di sini, hari ini.

Perdana Menteri membidas tindakan Encik Lim yang mendesak rakyat Pulau Pinang supaya menolak kerajaan Barisan Nasional (BN), sebaliknya memilih pembangkang dalam pilihanraya kali ini.

"Tidak cukup beliau (Encik Lim) mencabar Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim Chong Eu, dalam pertandingan satu lawan satu bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Kota, beliau mendesak pula penduduk Pulau Pinang supaya berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, tindakan Encik Lim itu sebagai tidak sopan dan bertanya siapakah Encik Lim yang mahu berbuat demikian terhadap penduduk Pulau Pinang.

"Apakah orang macam Kit Siang dan Karpal Singh, yang hanya pandai melempar buku dan keluar dewan ketika wakil rakyat lain sibuk berbincang pelbagai isu untuk kepentingan rakyat, mahu dijadikan pemimpin?" katanya.

Sehubungan itu, beliau me-

mintanya penduduk Pulau Pinang menolak DAP dan sekutunya yang lain, di samping menghumban ke laut projek 'Tanjung Dua' DAP yang hanya lebih mementingkan parti itu daripada mereka.

Beliau juga menyifatkan Encik Lim sebagai diktator yang hanya mahu memenuhi nafsu politik sehingga sanggup 'membunuh' pemimpin lain yang didapati berwibawa dan mampu menyainginya dalam DAP.

Perdana Menteri mengingatkan pengundi di kawasan bandar, khususnya di Pulau Pinang, bahawa adalah tidak adil mereka terus mengundi pembangkang yang tidak melakukan apa-apa dan menolak BN yang banyak melakukan pembangunan bagi kepentingan mereka.

"Adalah tidak adil setelah kerajaan banyak membantu mereka, pengundi di bandar terus menyokong pembangkang dengan alasan semata-mata mahu pembangkang terus membuat bising sama ada di dalam dewan mahupun di luar dewan," katanya.